


Al-Mukminah As-Solehah





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على محمد خاتم الانبياء وامر ساين وعلى
اله وصحبه اجمعين

Alhamdulillah, kita sungguh-sungguh berasa bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izin dan perkenanNya jualah kita dapat menyusun sebuah makalah kecil yang diberi judul AL MUKMINAH AS SOLEHAH. Makalah ini, InsyaAllah sesuai dibaca oleh masyarakat umum lebih-lebih lagi bagi wanita-wanita Islam yang ikhlas serta ingin mendekati ajaran ALLah SWT dengan sebenar-benarnya.

Sesungguhnya untuk kembali menghayati Islam kita perlu kembali kepada proses awal Tarbiah (pendidikan) Islamiah yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W dibawah petunjuk Ilahi. Proses Tarbiah ini perlulah diikuti dalam pembentukan sebuah Ummah Islamiah (pegerakan Islam). Asas untuk memperbaiki Ummah ialah dengan memperbaiki usrah (keluarga) dan permulaan untuk memperbaiki usrah ialah dengan memperbaiki wanita.

Wanita disebut (mahaguru 'alam), mahaguru yang mula-mula sekali berperanan untuk mendidik generasi kita (atau mana-mana generasi sekali pun.) Wanita yang tangan kanannya menghayun buaian dan tangan kirinya bisa menggegarkan dunia. Sehingga ada pepatah mengatakan bahawa wanita itu sungguh mempengaruhi hidup manusia di mana seorang ibu itu memerlukan masa 20 tahun untuk mendidik anaknya tetapi seorang wanita jahat hanya memerlukan masa 20 saat untuk menjatuhkan seseorang.

Sebagai pendidik 'alam ini, setiap wanita Islam perlulah melalui proses Tarbiah Islamiah dan jika tidak terlaksana proses ini maka malanglah generasi Islam kerana mendapat didikan dari wanita-wanita yang tidak mempunyai persiapan Islam. Oleh itu wanita perlu memahami peranan mereka kerana kesannya amatlah mendalam yang mana ia mampu memperbaiki masyarakat sekiranya dihalakan kesana

Oleh itu setiap daripada kita hendaklah memperbaiki diri dengan mendidik hati sanubari kita semoga mendapat asas untuk memperbaiki keluarga kita serta orang lain dengan Fikrah Islam.

Sebenarnya wanita ini sungguh mendapat tempat yang mulia, ia sentiasa dihormati dan disanjung (tinggi oleh Islam. Pengurniaan taraf wanita ini adalah sungguh tercatat dalam Al Quran dan As Sunnah Rasulullah S.A.W.

Daripada Bilal Ibnu Kabbah R.A, katanya; Pada suatu hari aku menyaksikan Rasulullah SAW membuat empal garis di atas batu sambil berkata bahawa wanita yang paling mulia di syurga ialah; Khadijah bt.

Khuwailid, Falimah bt. Muhammad, Mariam bt. Imran dan 'Asiah isteri Firaun.

Inilah sebenarnya ibu kepada ibu-ibu dan juga kepada generasi yang lepas-lepas. Ibu-ibu yang sebenarnya yang mesti kita letakkan ke depan sebagai contoh tauladan dalam rangka kita untuk kembali kepada hakikat Islam. Sebaliknya jika kita lihat kepada masyarakat kita pada hari ini nescaya kita akan dapati mereka tidak mengambil saranan Allah S.W.T dan RasulNya, sebaliknya mengambil saranan hawa nafsu mereka dan juga daripada sumber-sumber lain. Di sinilah kita merasakan masyarakat kita perlu mendapat kesedaran dan mesti cepat-cepat kembali kepada Islam yang suci lagi mulia ini.

Sekian, wassalam .

Mustafa Ramadhan

ANTARA MUSLIMAH DAN WANITA BEBAS

oleh **Fatimah Heran**

Hanya sejak akhir-akhir ini sahaja dunia baru menyedari bahawa terdapat dua golongan wanita. Golongan pertama ialah wanita 'bebas' (emancipated women) yang kita temui setiap hari di Barat. Golongan yang satu lagi dapat dilihat dalam siaran Televisyen atau halaman-halaman majalah terbitan baru yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa semasa di Iran, Afghanistan, Syria dan lain-lain negara Muslim.

Bagi wanita 'bebas' perkara yang paling utama bagi mereka ialah untuk memperkenalkan diri kepada umum. Untuk tujuan ini mereka mengenakan pakaian yang cantik, memakai alat-alat solek yang menimbulkan ghairah, bekerja sebagai seorang profesional yang memastikannya mendapat pendapatan yang lumayan dan berusaha sedaya upaya mendapatkan seorang leman lelaki (boy friend) atau suami yang segar, tampan dan berada.

Masa lapang bagi wanita 'bebas' ini ialah bertemu di 'cocktail parties', menari, mendengar muzik, ke pawagam, menonton wayang gambar dan siaran TV, bersukan dan membaca buku-buku sek. Adalah menjadi kebiasaan baginya untuk menyerahkan tubuhnya bila peluang memberangsangkan.

Wanita 'bebas' menyetujui badan-badan kebajikan mengambil tugas menjaga orang-orang yang menderita dan miskin kerana masa dan wang yang ada padanya diperuntukkan supaya berseronok-seronok dan menikmati kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh hidup ini.

Bagi wanita bebas katalog industri pelancongan amat menarik perhatiannya dan menjadi impian hidupnya jika dapat melancong ke Bahamas, Las Vegas atau Acapulco.

Tetapi bagi wanita yang satu lagi, Muslimah - keredhaan Allah S.W.T yang diutamakan. Kecantikan lahiriahnya ketika ia keluar tidak penting malah ia menutup auratnya untuk menyembunyikan kecantikan yang Allah anugerahkan kepadanya dari pandangan umum. Jika ia bekerja, tujuannya ialah untuk berkhidmat kepada masyarakatnya dan bukan sangat untuk mengisi dompetnya. Menyentuh tentang bakal suaminya, ia lebih mengambil berat tentang akhlak yang luhur lebih daripada kejayaan duniawinya.

Bagi Muslimah sudah menjadi kebiasaan baginya berada dalam kekusyukan Solat fardhu dan hiburan baginya ialah membaca Kitab suci Al-Quran, merenung tentang kebijaksanaan ciptaan Allah dan berkongsi pandangan rohaniahnya dengan orang yang dikasihinya.

Bagi Muslimah mendisiplinkan diri dengan menahan dari lapar dan dahaga dan kemewahan-kemewahan lain semasa bulan Ramadhan adalah

punca kepuasan hatinya dan sebagai galakau untuk menambahkan lagi amal soleh.

Tidak terlintas dalam fikiran Muslimah untuk menikmati apa yang dimilikinya itu hanya untuk kepentingannya semata-mata melainkan ia memberikan sebahagian daripadanya kepada orang-orang miskin dan yang lebih memerlukan.

Bagi Muslimah setelah bertahun-tahun lamanya barulah ia berjaya mengumpulkan wang yang secukupnya untuk **perjalanan** yang jauh dalam hidupnya iaitu perjalanan yang mengarahkan kepada mencapai cita-cita rohaniah, pergi menunaikan **Fardhu Haji** di kota yang panas lagi berdebu dan sesak dengan manusia iaitu di **Makkahtul Mukarramah**.

Sekarang marilah kita melihat kenapa terdapat perbezaan yang begitu besar dalam pemikiran dan pandangan dua golongan wanita ini. Pada pendapat saya, jika kita ketepikan sebab-sebab sampingan maka didapati masalah utamanya ialah tekanan jiwa yang dideritai oleh wanita 'bebas'. Baginya (dan juga lelaki sepertinya) nampaknya ia tidak ketahui dari mana ia datang dan ke mana kesudahannya.

Ia tidak mempunyai konsep yang jejas tentang pengertian hidup dan dalam banyak hal, ia sekurang-kurangnya berasa sangsi tentang wujudnya **Akhirat**, tak kurang pula yang menolaknya sama sekali. Amat sukar baginya mempercayai kehidupan selepas hidup di dunia ini. Lantaran itu kehidupannya di penuhi dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah dan tidak sah jika sesuatu majlis tidak di sertai dengan minuman arak. Tidak hairan lagilah fikiran manusia yang mabuk akan memproklamirkan segala kejahatannya. Domir (hati) yang merupakan pemberian paling berharga yang dianugerahkan oleh Allah supaya seseorang itu dapat membezakan antara yang baik dan yang jahat, antara benar dan salah kini sudah diliputi oleh timbunan cita-cita yang palsu. Kepalsuan yang kerap mengingatkan mereka bahawa hidup di dunia amat singkat dan lantaran itu akan melupakan perasaan takut kepada kematian sehingga sanggup pula mengorbankan segala-galanya untuk memanjangkan umur.

Berbeza dengan ini, Muslimah sentiasa merasa selamat. Ia beriman kepada Allah. Kepada kitab-kitab yang diturunkan untuk menjadi petunjuk kepada manusia dan hari pembalasan yang akan mempelawanya masuk ke mana-mana pintu Syurga yang kekal. Baginya hidup ini penuh pengertian sekiranya ia meninggalkan kenikmatan yang sedikit itu, malah ia bukanlah merupakan satu pengorbanan yang besar tetapi sebaliknya menolong mengukuhkan lagi keimanan dan ia lebih mengharapkan pembalasan di hari **Akhirat** daripada apa yang dikejar oleh kaum sejenisnya yang 'bebas'.

Di sini kita terkeliru antara cara hidup Muslimah dengan golongan tertentu seperti nun (paderi wanita) atau wanita yang dicorakkan seperti masyarakat yang berideologi 'hanya wanita'.

Bagi nun (paderi wanita) hidup ini tertumpu kepada tunang rohaniahnya (spiritual bridegroom) Jesus dan hal ehwal keduniaan

dianggap perangkap syaitan, manakala Muslimah pula disamping beribadah kepada Allah, ia digalakkan dengan apa cara sekalipun untuk menikmati kenikmatan yang hakiki dan memikul tanggungjawab hidup sehari-hari. Dia seharusnya manerima kasih sayang dan perlindungan dari suaminya yang bertaqwa, kegembiraan menjadi seorang ibu, mengenakan pakaian yang menarik dan berhias diri (di hadapan suaminya dan kaum keluarganya sahaja – ia menitik beratkan kasih sayang mereka dan bukannya pujian dan sanjungan orang lain), merebut peluang mengongsi tanggungjawab menjaga kesejahteraan masyarakat yang mana ia sendiri adalah merupakan anggota penuh.

Bagi wanita 'bebas' (feminist) kehidupan ini tidak lain hanyalah satu perjuangan ideologi mereka dan untuk merealisasikan ini tidak kira samada ianya benar atau salah, setiap orang mesti menyertainya walaupun melalui jalan paksaan. Muslimah yakin sepenuhnya tentang kebenaran aqidahnya dan dengan ini ia tidak akan ragu-ragu mengorbankan hidupnya sehingga sanggup keluar berdemonstrasi untuk menegakkan pemerintahan Islam atau dalam usaha untuk membebaskan suaminya, ayahnya, saudaranya yang dipenjarakan kerana mempertahankan **Deen** mereka seperti yang berlaku di Iran, Syria dan Filipina. Ia lebih rela **berhijrah** daripada bertolak ansur dan tunduk kepada **Mulhid** (atheis yang zalim seperti di Afghanistan atau Eritrea; kadang-kadang mungkin terpaksa berpisah dengan anak-anaknya dan meringkuk dalam penjara yang gelap sebagai tebusan kepada suaminya yang menjadi **Mujahid** bergerak secara senyap (sir) sebagai langkah berjaga-jaga daripada pemerintah-pemerintah yang zalim di kebanyakan negara-negara Muslim hari ini.

Semua kesukaran-kesukaran ini dihadapinya dengan penuh kesabaran kerana ia menyedari bahawa ini adalah daripada ujian-ujian Allah. Dengan ini ia menjadi contoh gemilang di dalam penglibatannya untuk mencapai matlamat yang unggul ini dan akan bersinar bukan sahaja di dalam masyarakat Muslim tetapi kepada seluruh kaum wanita yang mana hati-hati mereka sedang mencari-cari pengganti bagi cara hidup kebendaan Barat dan Timur. Dia akan bersifat hikmah mengajak mereka mengamalkan apa yang **diyakini**nya dan tidak akan memaksa sesiapa pun menerima **aqidahnya**.

Pada pendapat saya, kita dapat menyimpulkan bahawa walaupun nampak pada zahirnya Muslimah ketinggalan beberapa kenikmatan yang dianggap oleh wanita 'bebas' sebagai keperluan untuk kebahagiaan, tetapi Muslimah tetap mengalami kehidupan yang lebih kaya dan bahagia kerana dibantu oleh keimannya yang teguh. Ia merasai kepuasan mendisiplinkan diri sendiri dan berkorban untuk mencapai matlamat yang murni dan pada masa yang sama merasai keindahan hidup berumah tangga dan kepuasan hidup dalam batas-batas syara'. Ia juga merasai ketenteraman jiwa hasil daripada mentaati perintah-perintah Allah S.W.T. yang bertujuan memberi kesejahteraan kepada manusia itu sendiri. Bukankah kemerdekaan dan kemajuan yang sebenar ialah pembangunan kemanusiaan

yang mana para ibu memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk generasi akan datang, menggunakan seluruh kemampuan mereka yang ada bukan untuk keruntuhan tetapi memuliakan jiwa-jiwa yang dekat dengan mereka sekiranya mereka mengikut **Cara Hidup Islam**.

WANITA DAN LELAKI 'SALING MEMERLUKAN'

oleh Syed Abu Hassan Ali Nadawi

Saudara-saudara Muslimin dan Muslimat sekalian.

Saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T di atas jemputan saudara-saudara di majlis yang berbahagia ini dan memberikan pula peluang kepada saya untuk berucap mengenai persoalan yang paling asas, yang ada hubungan dengan kewujudan Individu dan Masyarakat.

Mula-mula sekali ingin saya bacakan sepotong ayat Al-Quran, dan kemudian saya akan cuba menerangkan pandangan Islam tentang perhubungan sosial dan menggambarkan betapa ianya amat realistik di dalam kehidupan bermasyarakat Ayat itu berbunyi:-

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Wahai Manusia' Bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang manusia (iaitu Nabi Adam A.S) dan daripadanya Allah memperkembang biakkan lelaki dan perempuan yang ramai. Bertaqwalah kepada Allah yang dengan mempergunakan namanya' kamu saling meminta antara satu sama lain, dan peliharalah hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.

(Surah An-Nissa': 1)

Ayat ini menerangkan dengan jelasnya pandangan Islam tentang kedudukan wanita, hak-hak serta kewajipan lelaki dan wanita. Pertamanya, Allah menjelaskan bahawa lelaki dan wanita dijadikan dengan cara yang sama dan matlamat kewujudan mereka amat berkait rapat, seolah-olah mereka berasal dari tubuh yang satu. Kelainan dalam binaan tubuh-badan mereka menyebabkan mereka menjalani kehidupan ini dengan selesa.

Kedua-dua lelaki dan wanita dicipta dari satu jiwa dan jiwa itu dibahagikan kepada dua bahagian, namun demikian tidak wujud percangahan atau permusuhan sesama mereka. Dalam menjalani hidup ini, kaum lelaki diberikan seorang teman hidup dari jenisnya sendiri yang mana ia adalah sebahagian daripada tubuhnya. Selepas itu umat manusia berkembang biak dari mereka berdua. Allah S.W.T merestui penyatuan, kasih sayang dan kehidupan rumahtangga mereka dengan menambahkan bilangan mereka, dengan ini mereka yang pada asalnya cuma dua orang kini telah berlipat ganda menjadi berjuta-juta orang sehingga tiada siapa

yang dapat memberitahu berapa ramai jumlah manusia yang dilahirkan di dunia ini. Hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Allah membayangkan ramainya bilangan mereka dengan menggunakan perkataan "Berkembang Biak".

Kemudian Allah menyatakan: Takutilah Allah yang atas namanya kamu meminta kepada orang lain. Satu saranan yang bersifat revolusioner pertama kali disebut oleh Al-Quran iaitu dalam hal ehwal pengendalian ekonomi manusia, tiada seorang pun boleh berdiri sendiri, semua orang bergantung kepada orang lain. Setiap orang pada masa yang sama ialah seorang pemberi dan seorang peminta. Pembahagian ini bukanlah pada satu pihak terdiri dari peminta-peminta dan pada satu pihak lagi adalah pemberi-pemberi. Si peminta juga adalah pemberi dan begitu juga sebaliknya. Setiap orang diikat oleh rangkaian hak-hak dan kewajipan, Dalam susunan (network) hidup bertamaddun setiap orang saling memerlukan antara satu sama lain.

Menurut kebiasaan orang Arab, apabila mereka menanyakan sesuatu atau memintanya kepada orang lain mereka mengucapkan nama Allah. Seperti: "As aluka billah" ertinya: Saya bertanya atau meminta kepadamu dengan nama Allah.

Tanpa wanita, tiada lelaki yang dapat memenuhi perjalanan tabi'nya dengan cara yang selesa dan mudah, dan begitu juga, tiada wanita soleh yang dapat menjalankan kehidupan yang bahagia dan tenteram tanpa ada seorang teman hidup. Allah Pencipta alam menjadikan mereka saling memerlukan, yang mana tanpa ada seorang maka kehidupan seorang lagi menjadi tidak sempurna.

Sekali lagi, ditegaskan bahawa dengan Nama Allah maka kita meminta hak kita sesama sendiri. Ummah Islamiah (Masyarakat Islam) ditegaskan atas kepercayaan kepada Allah yang Esa, Kekuasaan, Kebesaran dan KetauhidanNya. Perhubungan antara seorang Muslim dan Muslimah menjadi sah apabila disebutkan nama Allah di antara mereka. Dengan nama Allahlah maka orang asing, saudara mara yang jauh dan dekat menjadi bersaudara.

Ikatan antara lelaki dan wanita adalah ikatan Iman dan kasih sayang; ikatan yang mendalam, rapat dan semula jadi. Ini, merupakan satu ikatan yang unik. Semua ini ialah keajaiban yang lahir dari menyebut nama Allah. Satu dunia baru dilahirkan apabila disertakan dengan Nama Allah. Muslim dan Muslimah tidak boleh bercampur secara bebas antara satu sama lain dan ada kalanya mereka tidak boleh berjalan sama. 'Mereka bukan muhrim' (Mereka tidak boleh masuk ke bilik Muslimah dan sebaliknya). Tetapi satu ikatan yang suci dibuat sebaik sahaja Nama Allah di sebut di antara mereka.

Al-Quran dengan gayanya yang tidak dapat ditiru telah menerangkan kenyataan asas masyarakat manusia, saling bergantung di kalangan anggotanya, saling kait dan memerlukan, dalam beberapa ayat yang mudah **Dengan mempergunakan Namanya kamu saling meminta antara satu sama lain.**

Ayat ini seterusnya mendesak supaya kita bertaqwa kepada Allah yang dengan menggunakan Namanya kita menghalalkan apa yang diharamkannya dan mencetuskan revolusi dalam kehidupan kita. Al-Quran telah menggunakan satu ungkapan yang tiada tolok bandingnya untuk menjelaskan perhubungan yang rapat antara suami dan isteri. Ayat itu menyebut: Mereka itu adalah **pakaian** bagimu dan kamu pun adalah **pakaian** bagi mereka. (S. Al-Baqarah 2:187) Hanya Al-Quran sahaja yang mampu menggunakan perkataan **pakaian** dalam konteks ini. Pakaian digunakan untuk menutup kebogelan dan perhiasan hidup. Ia menyimpulkan kepada kita segala-galanya yang merangkumi pengertian perhubungan cinta, kepercayaan dan sikap amanah antara suami dan isteri. Jika tanpa pakaian manusia kelihatan seperti haiwan dan tidak berupa manusia yang bertamadun, maka begitu juga tanpa perkahwinan, manusia adalah tidak bertamadun.

Di dalam Islam perkahwinan tidak dianggap sebagai satu keperluan tetapi tergolong sebagai suatu Ibadah yang menghampirkan manusia kepada Khalidnya atau dengan kata lain, konsep perkahwinan di dalam Islam bukanlah untuk memenuhi tuntutan biologi atau kehidupan sosial yang tanpanya kenikmatan hidup menjadi tidak sempurna, tetapi ia mempunyai kepentingan Aqidah dan mempunyai kedudukan sebagai satu Ibadah. Rasulullah S.A.W menunjukkan contoh yang terbaik dalam kehidupannya. Sabda Baginda "*Orang yang terbaik di antara kamu ialah orang yang berbuat baik kepada keluarganya, dan akulah yang paling baik terhadap keluargaku.*" Jika saudara mempelajari sirah Rasulullah S.A.W saudara akan ta'ajub terhadap kehormatan yang Islam berikan kepada kaum wanita. Usaha Rasulullah S.A.W untuk menggembirakan isteri-isteri Baginda, penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti rekreasi mereka dan keadilannya terhadap mereka amatlah mulia.

Rasulullah amat baik hati dan sayang kepada kanak-kanak, sehingga Baginda akan memendekkan solah (Namaz) yang paling di sukainya, jika ia mendengar suara anak-anak menangis, inilah kemuncak kemurahan hati dan pengorbanan. Tiada suatu pun yang lebih berharga bagi Rasulullah selain dari Solah. Meskipun demikian Rasulullah menyatakan, "Kadang kala saya gemar memanjangkan solah tetapi apabila saya mendengar suara kanak-kanak menangis, saya memendekkannya dengan berfikir yang ini akan menyusahkan hati para ibu (yang turut sama dalam solah jema'ah)".

Contoh-contoh ini ada di hadapan kita. Allah meminta kita menjaga nama baik kita. Kita tidaklah boleh mempunyai kepentingan yang lain. Perintah ini ditujukan kepada lelaki dan wanita. Saudara-saudara kini hidup dalam masyarakat Amerika. Kita bukan sahaja mesti memperkenalkan ajaran-ajaran Islam kepada masyarakat Amerika, tetapi juga kita mesti menunjukkan model (contoh) sistem kekeluargaan Islam kepada mereka. Tamaddun Barat sekarang ini sedang menuju ke arah kejatuhan. Tidak ada kesangsian lagi. Salah satu dari sebab-sebab utama ialah perpecahan keluarga.

Perasaan kasih sayang dan sifat percaya mempercayai yang menjadi tunggak kehidupan keluarga sekarang ini diambil alih oleh sifat kepentingan diri dan syahwat. Ahli-ahli falsafah moden berasa bimbang dan kajian-kajian untuk menjaga keutuhan keluarga telah dilakukan. Seharusnya wujud perasaan simpati dan kasih sayang dari kedua-dua belah pihak, kerana inilah sahaja yang dapat memberikan kebahagiaan yang sebenarnya. Walaupun berlaku kemiskinan dan kelaparan tetapi dapat diatasi oleh ketenteraman kerana di sana terdapat kesediaan dan perasaan kasih sayang dan mengongsi perasaan antara satu sama lain. Sampai ke hari ini pun terdapat banyak keluarga di Timur yang tidak cukup makan tetapi mereka hidup bahagia kerana ada perasaan kasih sayang. Di Barat, terdapat segala kekayaan, penemuan saintifik, dan pencapaian keilmuan - tetapi hati-hati itu tidak merasai ketenangan dan kepuasan. Mereka tidak mampu menjadikan Rumah tangga mereka sebagai syurga. Seperti kata Iqbal:

la mencari orbit bintang, tetapi tidak dapat menyelami dunia pemikirannya.

Manusia moden dilengkapi dengan kekuatan tetapi berpandangan cetek. Orang yang menjumpai kuasa matahari (solar radiation) tidak dapat menerangi jalannya sendiri, dan orang yang mencari orbit bintang-bintang – dan jika Iqbal ditakdirkan masih hidup pada hari ini ia mungkin akan berkata, orang yang menuju ke bulan tidak dapat mengembara dunia fikirannya sendiri dan menjadikan rumahtangganya tempat yang bahagia. Orang yang menukar dunia menjadi syurga berakhir dengan menjadikan rumahtangga sebuah neraka. Banyak dari keluarga-keluarga Barat yang tidak dirahmati dengan kedamaian dan kebahagiaan. Itulah sebabnya mengapa mereka mencarinya di kelab-kelab dan lain-lain aktiviti luar.

Saudara-saudara lebih menyedari aspek yang menyayat hati ini dalam kehidupan masyarakat Amerika kerana saudara telah tinggal di sini selama sepuluh atau dua puluh tahun. Tidak perlulah bagi saya memanjangkan perkara ini. Ayat suci Al-Quran yang saya bacakan menerangkan kebenaran asas sistem hidup Islam di mana masyarakat manusia ditegakkan atas dasar saling bergantung dan hormat-menghormati hak antara satu sama lain. Setiap orang ada kemahuannya. Tetapi untuk menyedarinya sebagai satu hakikat kewujudan manusia dan untuk berterima kasih kepada orang yang menunjukkan hakikat itu ialah merupakan sikap yang ada pada seseorang Islam. Islam sentiasa berusaha mengembangkan dan mengukuhkan pandangan seumpama ini. Islam menghendaki setiap orang menganggap dirinya bergantung kepada orang lain dan menghormati semua ahli-ahli dalam masyarakat. Dengan ini tidak timbul masalah penyesuaian.

Semoga Allah melimpahkan taufiq dan hidayahNya kepada saudara-saudara pada jalanNya yang lurus dan saudara-saudara diberi kemampuan untuk melahirkan corak kehidupan masyarakat Islam yang akan menarik masyarakat Barat yang sedang tenat dengan hidup ini dan menggalakkan mereka supaya merenung dan meneliti dengan berhati-hati peraturan-peraturan hidup bermasyarakat di dalam Islam.

**KEBAHAGIAN BAGI ANAK ADAM
ISTERI YANG SOLEH
KENDERAAN YANG BAIK
RUMAH YANG LAPANG**

Maksud Hadis Rasulullah S.A.W.

Kebahagiaan bagi anak Adam ada tiga. Dan kesengsaraan terhadap anak Adam ada tiga. Maka di antara yang membahagiakan adalah isteri yang soleh, kenderaan yang baik serta rumah yang lapang. Dan kesengsaraan bagi anak Adam ada tiga iaitu tempat yang tidak baik dan isteri yang tidak baik serta kenderaan yang tidak baik."

Huraiannya:

Dari hadis Rasulullah S.A.W. yang tersebut di atas dapatlah kita mengambil pelajaran bahawa apabila sesuatu keluarga itu mempunyai tiga asas penting, maka ianya akan memberi kebahagiaan. Tetapi sebaliknya tanpa kewujudan ketiga-tiga asas tersebut ataupun kurang salah satu daripadanya maka kesengsaraanlah yang akan diperolehi. Asas-asas yang penting ini adalah:

Isteri yang soleh

Rumah yang lapang

Kenderaan yang baik

Apabila dilihat dari sudut Pergerakan Islam, sememangnya ketiga-tiga asas di atas memainkan peranan yang amat penting sekali. Kelemahan sesuatu pergerakan Islam itu, adalah berkait rapat juga dengan kelemahan asas-asas tersebut. Ini adalah kerana, kegagalan isteri untuk berfungsi sebagai isteri yang soleh boleh memberi kesan yang negatif kepada para suami (yang terdiri daripada para dai'). Begitu juga rumah atau kenderaan yang tidak baik pula boleh melambatkan atau menghalang dari terlaksananya program-program Islam.

Kepentingan ini dirasakan lagi, di kala pergerakan Islam itu masih berada ditahap pembentukan awal. Pada masa ini pengorbanan kita sangat-sangat diperlukan serta usaha-usaha gigih yang berterusan untuk menghadapi masyarakat jahiliyah yang begitu pekat, maka ketiga-tiga asas tersebut amat perlu diperolehi.

Isteri yang Soleh

Isteri yang soleh, adalah asas yang terpenting sekali daripada asas-asas yang lain. Kegagalan asas ini boleh mengakibatkan asas-asas lain tidak akan benar-benar berfungsi untuk memberi kebahagiaan sebenarnya di dalam kehidupan. Tanpa wujud isteri yang soleh maka keluarga-keluarga Islam tidak akan dapat diwujudkan. Sedangkan pembinaan dan terbentuknya pergerakan Islam itu bergantung kepada kelahiran keluarga-keluarga Islam ini. Kalau sekiranya pergerakan Islam itu penting untuk membawa dan mempraktikkan Islam maka isteri yang Soleh juga sama pentingnya.

Isteri yang soleh itu sentiasa berjuang bersama-sama suami menyebarkan fikrah Islamiyyah, khususnya kepada kaum sejenisnya. Mendidik dan membimbing mereka sehingga lahir kefahaman dan kesedaran Islam. Sehingga mereka pula mampu untuk menjadi pejuang-pejuang akidah yang bersedia menumpukan taat setia kepada Islam dan pergerakannya. Keletihan suami setelah melaksanakan tugas harian dan berdakwah disambut dengan wajah yang berseri dengan ucapan kata-kata yang dapat memberi kekuatan jiwa untuk lebih istiqamah, ketika menghadapi masyarakat jahiliyah tanpa mempunyai perasaan bosan dan jemu. Mengizinkan dan merasa bahagia melihat suami menjalankan tugas Islam tidak kira masa dan waktu. Bersedia memberikan rumahnya, hartanya dan masanya untuk tugas yang murni ini dengan hati yang penuh redha. Isteri yang soleh juga sentiasa melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik-baiknya dan bersedia untuk menghadapi segala ujian-ujian dari Allah SWT.

Sifat-sifat yang lain 'Isteri yang Soleh'.

1. Isteri yang soleh itu ialah yang taat kepada Allah dan Rasul dan patuh kepada perintahNya. Sanggup menjaga maruahNya walaupun di tempat-tempat yang sunyi dari pandangan orang lain, juga yang sering mengingati Allah serta takut kepadaNya dengan sebenar-benar takut, tetapi berani di dalam menegakkan Islam.

Firman Allah S.W.T maksudnya:

"Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang Soleh ialah yang taat kepada Allah iagi memelihara diri di sebalik pembelakangan suaminya oleh kerana Allah telah memelihara (mereka)."

(An-Nisa': 34)

2. Isteri mesti bersyukur akan nikmat yang diberikan oleh Allah kepada suaminya.

3. Isteri mesti taat kepada suaminya.

Maksud sabda Rasulullah S.A.W.

"Kalau boleh aku menyuruh seseorang supaya sujud kepada orang yang lain nescaya aku menyuruh isteri supaya sujud kepada suaminya".

4. Maksud sabda Rasulullah S.A.W.

"Hak suami atas isterinya ialah si isteri tidak meninggalkan tempat tidurnya, hendaklah ia menghargai sumpah suami, hendaklah ia taat kepada suami dan janganlah ia keluar rumahnya melainkan dengan izin dan janganlah ia membenarkan masuk ke rumahnya orang yang tidak disukai oleh suaminya."

5. Isteri mesti menjaga hak dan kehormatan suaminya, samada suaminya ada di rumah atau tidak. Tingkah laku hendaklah disukai oleh suaminya. Ditegah menyembunyikan harta benda suami. Dan ditegah juga berbangga-bangga akan kecantikan dirinya dan pada keluarganya. Jangan pula menghinakan suaminya kerana mempunyai rupa dan wajah yang buruk.

6. Isteri mestilah mendahului hak suaminya daripada hak dirinya sendiri atau kaum kerabatnya, sentiasa menunjukkan hemah yang tinggi, lemah lembut tidak maki hamun, sumpah-seranah, umpat-keji, bantah membantah dan lain-lain.

7. Menunjukkan sikap yang jernih dan kemesraan dan lapang dada serta segala hal yang menyebabkan kesenangan suaminya diwaktu dia ada di rumah. Selalu di dalam setiap tindakan dan keputusan, tingkahlaku budi bicara, tutur bahasa dan makan-minum janganlah terkeluar dari landasan yang digariskan oleh Islam.

8. Maksud sabda Rasulullah SAW:

"Sebaik-baik wanita ialah perempuan yang apabila engkau memandangkan ia menyukakan hati dan apabila engkau tidak ada ia menjaga harta engkau dan memelihara dirinya."

9. Isteri yang Soleh mengikut pandangan Islam adalah isteri yang berpengetahuan, berakhlak mulia, tahu melayan suami serta mengasihi dan mendidik anak-anak ke jalan hidup yang dikehendaki oleh Allah dan mengikut landasan yang ditunjukki oleh Rasulullah S.A.W.

10. Pesanan Imam Al-Ghazali kepada anak perempuannya di hari perkahwinannya

Anakku!

Engkau sekarang akan berpindah dari rumah tempat engkau dibesarkan

Dan akan berada di tempat tidur yang tidak engkau kenal,

Dan rakan hidup yang engkau tidak biasa dengannya.

Itulah suamimu;

Jadilah engkau sebagai tanah untuknya dan ia akan menjadi sebagai langitmu.

Jadilah engkau sebagai lantai untuknya dan ia dapat kau jadikan tiangmu.

Jadikanlah dirimu ibarat seorang khadam kepadanya, nescaya dia pula akan menjadi khadam kepadamu.

Jangan engkau memaksa-maksa apabila engkau meminta sesuatu daripadanya

Dengan cara yang demikian akan menjadi ia merasa benci padamu.

Jangan pula engkau menjauhkan diri nescaya ia akan melupakan engkau.

Dan kalau ia pula menjauhkan diri secara marah kerana sesuatu sebab yang tertentu, maka yang eloknya jauhkanlah dirimu daripadanya semasa marah.

Peliharalah hidung, telinga dan matanya Janganlah membiarkan dia menghidu sesuatu daripada mu melainkan yang harum,

Janganlah membiarkan dia mendengar sesuatu daripadamu melainkan yang baik,

Dan janganlah membiarkan dia melihat sesuatu daripada mu melainkan yang cantik, belaka.

Rumah yang lapang

Rumah yang lapang ialah asas yang kedua pentingnya setelah isteri yang soleh, kerana di sinilah proses pendidikan Islam bermula. Kelahiran rumah yang lapang dan selesa ini akan memberi kemudahan dan ketenangan semasa proses didikan berjalan di rumah. Pendidikan kepada anak-anak khususnya, perlu kepada suasana yang tenteram dan harmoni. Dari suasana inilah yang akan membentuk jiwa dan akhlak mereka. Bukan ini sahaja malahan suasana begini akan dapat mengisi ketenteraman jiwa kepada para dai' setelah sibuk berjuang dan menghadapi masyarakat jahiliah yang penuh dengan maksiat dan kemungkaran.

Rumah yang lapang adalah rumah yang sempurna dari segi kedudukannya, kebersihannya dan kemudahan-kemudahan asas. Sebaik-baiknya sekiranya berkemampuan adalah lebih baik membuat rumah sendiri kerana kedudukan bilik-bilik dan ruang tetamu dapat diletakkan dengan baik. Diletakkan tirai pemisah di antara ruang dan bilik tetamu dengan bilik-bilik yang lain. Mempunyai dua tandas dan bilik mandi untuk kegunaan sendiri dan tetamu. Di sini juga terdapat sebuah bilik perpustakaan kecil yang dipenuhi dengan buku-buku dan majalah-majalah Islam untuk meningkatkan ilmu syara dan ilmu waqei (realiti).

Dari segi kebersihan pula sentiasa diuruskan dengan sempurna. Tidak dibiarkan kotoran dan abuk-abik begitu saja. Dari pandangan luarnya sudah cukup menerangkan sifat dan akhlak penghuninya. Di keliling rumah ditanami sedikit bunga sebagai perhiasan, dipotong mana-mana rumput yang panjang dan dicat sekadarnya untuk memberi pandangan luar yang lebih elok.

Segala alat-alat moden yang boleh menjimatkan masa dan memudahkan kerja-kerja rumah adalah perlu digunakan sepenuhnya bergantung kepada kemampuan masing-masing. Kerana dengan ini akan lebih memberi kemudahan dan keselesaan.

Rumah yang lapang juga sentiasa bersedia untuk digunakan dalam rangka menjalankan aktiviti-aktiviti Islam.

Kenderaan yang baik:

Kenderaan yang baik adalah satu alat yang penting untuk mempercepatkan segala urusan dan kerja. Di dalam konteks Pergerakan Islam ianya sungguh berfungsi untuk memudahkan pergerakan dalam proses penyebaran fikrah Islamiyah, mengikuti ataupun menjalankan program-program Islam terutama bagi tempat-tempat yang jauh dan kawasan pedalaman.

Perjalanan sistem kenderaan umum hari ini tidak memenuhi tuntutan syara' (kerana ianya lahir dari sistem hidup ciptaan manusia) dari itu mempunyai kenderaan yang baik adalah satu keperluan asas.

Dari kenderaan yang baik boleh digunakan untuk melaksanakan tugas harian, menziarahi sahabat-sahabat dan kaum keluarga. Dengan ini boleh memudahkan perjalanan tanpa bersesak-sesak dan membuang masa dengan sia-sia.

Kenderaan biarlah sederhana dari segi harganya. Apabila terdapat mana-mana kotoran hendaklah dibersihkan. Apabila didapati rosak maka perbaikilah dengan segera. Segala syarat-syarat yang dikenakan oleh sistem kenderaan hari ini seperti lesen, roadtax, insuran dan lain-lain hendaklah dipenuhi kerana kita sedang berhudnah dengan sistem jahiliyah hari ini, Perlu diingat bahawa cara pembelian "HIRE PURCHASE" adalah dilarang oleh Islam kerana ianya mempunyai unsur-unsur riba.

TUGAS MUSLIMAH DALAM PEMBENTUKAN UMMAH

Sekiranya seorang wanita Islam (Muslimah) ingin mengetahui tentang kedudukannya sebagai wanita di dalam Islam maka dia perlu mengetahui tentang tanggungjawabnya di dalam kehidupan yang telah dijadikan oleh Allah S.W.T, dan perlulah dia berusaha untuk memperleengkapkan dirinya dengan pengetahuan (saqafah) yang berguna.

MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN SAQAFAH

Adalah wajib bagi seseorang wanita Islam untuk memperleengkapkan dirinya dengan SAQAFAH SYARA'IYAH iaitu saqafah yang berkaitan dengan hukum-hukum syara' terutama yang menyentuh fardhu 'ain yang perlu dilakukan oleh setiap individu muslimah. Begitu juga SAQAFAH MA'SIROH iaitu saqafah yang berkaitan dengan pengetahuan semasa seperti realiti yang ada dari semasa ke semasa di negara kita dan juga di luar. Begitu juga mengetahui dengan memperleengkapkan diri dengan akhlak-akhlak yang mulia untuk menjadi seorang yang benar-benar ahli bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab untuk dirinya, masyarakatnya serta untuk mencari keredaan Allah S.W.T. Dalam maksud inilah maka di sini disenaraikan beberapa tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh anggota-anggota muslimah.

TANGGUNGJAWAB TERHADAP DEEN

Yang pertama ialah tanggungjawab terhadap deennya sendiri iaitu agama Islam. Maksud tanggungjawab terhadap deen ialah yang pertama, wanita muslimin hendaklah beriman dengan Allah S.W.T dengan iman yang sampai ke peringkat yakin dan tomakninah (puas) mengambil tempat di dalam jiwa dan menjadi panduan rohani bagi mengatur fikiran dan amalannya.

Keyakinan yang dimaksudkan di sini ialah keyakinan hingga ke peringkat setiap sesuatu di dalam kehidupannya mempunyai hubungan dengan ALLah. Sekiranya di dalam setiap aspek dia masih melupakan ALLah SWT itu bermakna keyakinannya belum mencapai keyakinan yang betul, belum melalui proses yang be-tul, keyakinan yang tidak jelas dan keyakinan yang tidak berfungsi di dalam kehidupannya. Seseorang yang mempunyai keyakinan yang betul setiap tindakannya adalah kerana ALLah SWT semata-mata.

Begitu juga keyakinannya terhadap hari akhirat. Dia mesti merasakan bahawa itulah matlamat akhir bagi kehidupannya sebagai seorang Islam. Untuk itu hatinya mestilah betul-betul dibentuk untuk mendapat jaminan apabila sampai kepada matlamat akhir itu.

Dalam masyarakat hari ini kehidupan dunia menjadikan mereka lupa kepada kehidupan akhirat, kerana mereka tidak memiliki hati nurani yang bersih yang boleh membuatkan mereka melihat dan menyaksikan matlamat akhirat itu. Tidak yakin pada akhirat inilah yang membawa

kepada penyelewengan yang banyak di dalam kehidupan umat Islam hari ini. Walaupun mereka mendakwa mereka yakin kepada hari akhirat tetapi jelas dalam kehidupan mereka ia menjadi hafalan semata-mata, tidak berfungsi di dalam kehidupan seorang muslim lelaki atau pun wanita.

Bagaimanakah caranya kita beriman dengan hari akhirat itu hingga seolah-olah kita betul-betul merasai dan menyaksikan bagaimana siksaan Allah S.W.T dan bagaimana pula nikmat ALLah S.W.T di akhirat?

Di dalam al-Quranulkarim terdapat banyak ayat-ayat yang memperkatakan tentang azab dan nikmat di akhirat. Tetapi meskipun perkara itu dilafazkan kepada masyarakat hari ini, ia tidak masuk ke dalam jiwa, tidak pernah terlintas di dalam fikiran malah ia lalu begitu sahaja tanpa meninggalkan kesan. Tetapi perkara ini manakala dilafazkan kepada generasi awal al-Quranulkarim yang telah diproses oleh Rasulullah S.A.W. mereka terus nampak, yakin dan terus percaya serta terus melaksanakannya di dalam kehidupan mereka. Itu merupakan satu perbezaan yang terlalu jauh di antara mereka dengan masyarakat yang wujud sekarang. Justeru itu di dalam hal ini jiwa mestilah diproses dengan tarbiyah yang betul supaya ia benar-benar berfungsi untuk menerima hakikat percaya pada hari akhirat.

Ada pepatah Arab yang bermaksud:

"Tidak ada kampung selepas mati ini untuk seseorang itu tinggal di dalamnya melainkan apa yang dibina dengan amalan-amalan-nya."

Untuk itu kita mestilah memenuhi tuntutan-tuntutan Allah. Itulah di antara kewajipan wanita terhadap deennya. Banyak lagilah kewajipan itu, cuma diterangkan secara ringkas sahaja kewajipan-kewajipan yang perlu dilakukan oleh setiap individu muslim.

Yang ketiga hendaklah seorang wanita muslim meneliti betul-betul perintah Allah S.W.T. — dari segi suruhan maupun tegahanNya — tanpa cuai.

Perkara ini bukanlah boleh dilakukan secara kebetulan sahaja. Tetapi di dalam masyarakat hari ini adakah mereka benar-benar meneliti suruhan-suruhan dan tegahan-tegahan Allah S.W.T? Kalau mereka menelitinya tentulah tidak wujud kehidupan jahiliah yang bertebaran di mana-mana sahaja hari ini.

Penelitian yang bersungguh-sungguh berkehendakkan suatu kefahaman dan kesedaran yang betul di dalam jiwa umat Islam. Jika tidak wujud kesedaran dan kefahaman yang betul tentang bagaimana hendak mengenal jahiliah dan Islam, akan wujudlah kehidupan yang mencampur adukkan Islam dengan jahiliah. Satu ketika dia Islam, di ketika yang lain dia tidak mengiyakan apa yang Islam, kata jahiliah. Masa sembahyang dia merasakan dirinya Islam tetapi pada masa yang lain dia tidak merasakan adanya hubungan dengan Allah S.W.T, hubungannya dengan matlamat akhirat.

Itu telah menjadikan masalah. Ini adalah kerana kita tidak diperkenalkan kepada Islam dengan cara yang betul. Kita hari ini menerima Islam melalui adat dan warisan. Kita tidak menerima Islam melalui kefahaman, kesedaran dan keyakinan yang betul. Kita tidak menerima Islam menerusi keyakinan kepada Allah S.W.T, kepada junjungan Muhammad S.A.W yang membawa deen ini, yang jelas latarbelakang hidupnya. Tetapi oleh kerana kepentingan-kepentingan tertentu mereka menukarkan yang haq itu. Itu pun takdir Allah S.W.T yang kita sendiri memilih takdir itu.

Sekiranya makrifah Allah tidak ada, ilmu lain yang akan mengambil tempatnya. Sebab itulah ilmu-ilmu yang ada pada hari ini sesat, kerana makrifah Allah S.W.T tidak jelas padanya. Manakala induk makrifah itu tidak jelas padanya, makrifah lain yang akan menjadi induk kepada ilmu pengetahuan. Dengan itu lahirlah keangkuhan di dalam masyarakat manusia. Orang-orang yang berilmu bermegah dengan ilmunya. Ilmunya digunakan untuk menekan orang-orang lain. Berlakulah. kezaliman, penindasan di kalangan masyarakat manusia kerana memahami ilmu tidak secara yang betul.

Tetapi seandainya makrifah kepada Allah S.W.T menjadi punca kepada ilmu yang lain, akan tunduk semuanya kepada makrifah Allah S.W.T, iaitu ilmu itu akan berjalan dengan baik, tidak ada orang-orang yang berilmu menjadi angkuh, sombong, takbur, mempergunakan ilmunya untuk kepentingan diri dan bermegah dengannya. Sebaliknya dia akan menggunakan ilmunya itu seperti mana yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. Begitulah tugas seorang Islam untuk mendapatkan ilmu.

Kalau hendak dikaji tentang makrifah Allah S.W.T, mestilah diterima Islam menerusi iman yang betul, melalui sumbernya yang sah iaitu al-Quranulkarim, Sunnah Rasulullah S.A.W. dan Sirah Rasulullah S.A.W. Tidak boleh mengambilnya daripada sumber yang lain. Kalau bersumberkan kepada yang lain, tidak akan berjumpa dengan makrifah Allah SWT. Itu yang menyebabkan kesesatan, Kebanyakan manusia kini meskipun dia berilmu pengetahuan yang tinggi tetapi dia sesat kerana tidak berinduk kepada makrifah Allah S.W.T. Seandainya kita menerima ilmu seperti mereka kita tidak akan merasai bahawa mereka sesat. Sebaliknya kita akan turut berbangga dengan mereka. Kita akan me-nyanjung dan bermegah dengan mereka. Kita pula takut kepada makrifahnya, tidak takut kepada makrifah Allah S.W.T. Kita menyembunyikan makrifah Allah S.W.T. Kita akan menjadi takut kepada yang lain, takut kepada CIA – takut sangat kepada mereka kerana mereka pandai, cekap. Kita tidak menjadi takut kepada makrifah Allah S.W.T yang mengetahui segala kesulitan yang ada di dalam jiwa kita, yang mengetahui segala sesuatu.

Sekiranya kita tidak mencari makrifah yang induk terlebih dahulu, iaitu makrifah Allah S.W.T, makrifah lain akan rosak. Makrifah itu juga akan menafikan kewujudan Allah S.W.T. Komunis misalnya, dengan makrifah yang ada padanya menolak kewujudan Allah S.W.T. Begitu juga

tidak lama dulu pernah seorang pemimpin Rusia dengan ilmu yang ada padanya digunakan untuk ke angkasalepas untuk melihat Tuhan. Katanya, "Tidak ada Tuhan pun!" Malangnya, ilmu yang ada padanya itu tidak tunduk kepada makrifah Allah S.W.T, sebab ilulah dia tidak nampak kewujudan Allah S.W.T. Untuk mendapat ilmu yang betul mestilah melalui sumbernya yang betul iaitu Al-Quranulkarim dan Sunnah Rasulullah S.A.W. – terutamanya untuk mengenal makrifah Allah S.W.T. sebagai punca kepada ilmu yang lain.

Begitu juga seorang wanita Muslim hendaklah mengetahui tentang sejarah Islam, sejarah peperangan dalam Islam, siasah dalam Islam, nasyar (kegiatan-kegiatan aqli) dalam Islam. Juga hendaklah diketahui tentang mujahadah nafs – bagaimana hendak bermujahadah, untuk memproses jiwa dan melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang baik. Dengan memiliki ilmu seumpama ini barulah seorang wanita boleh melahirkan tasdiq amali iaitu pelaksanaan dalam bentuk amalan di dalam kehidupan. Jika tidak, ilmu akan tinggal ilmu, menjadi perhiasan otak sahaja, tidak berjalan di dalam kehidupannya. Ilmu itu akan tinggal sebagai perbincangan bagi memuaskan kehendak otak dan akalanya saja tetapi tidak lahir dalam bentuk kenyataan. Ilmu yang seumpama itu sebenarnya adalah ilmu yang tidak berguna, ilmu yang tidak berindukkan kepada makrifah Allah S.W.T.

Ilmu sepertimana yang dimaksudkan tadi ialah ilmu yang berkaitan dengan realiti dari semasa ke semasa, ilmu yang berkaitan dengan ekonomi, sihhah (kesihatan), sains dan seumpamanya. Semua ilmu ini perlu diketahui oleh wanita-wanita kerana bukan lelaki sahaja yang hendak melaksanakan Islam tetapi wanita juga. Manakala wanita hendak melaksanakan Islam, dirinya akan diukur dengan kemampuan ilmu yang ada pada dirinya. Seperti Saidatina Aisyah, beliau tahu satu persatu tentang realiti dan syara'. Apabila para sahabat bertanya kepadanya tentang hukum, beliau terus memberikan fatwa. Sekiranya beliau tidak mengetahui tentang realiti dan syara' sahaja yang diketahuinya, fatwa yang dikeluarkannya tidak betul. Oleh itu amatlah perlu bagi seorang wanita Islam membaca suratkhbar harian, majalah bulanan dan seumpamanya. Semua ini adalah berfaedah. Ia dipanggil SAQAFAH ISTIBANAH.

Saqafah Istibannah terbahagi kepada dua bahagian iaitu SYARA' dan REALITI (WAQF). Membaca merupakan ILMU SIQQAH untuk mengetahui tentang realiti. Kalau realiti tidak diketahui sukar untuk menghukum. Para sahabat Rasulullah S.A.W. dan wanita-wanita Islam dahulu mereka mengetahui secara terperinci tentang realiti. Misalnya Asma binti Abu Bakar, faham tentang realiti. Fatimah binti Al-Khattab, orang yang cergas dalam kegiatan Islam yang pertama bukan sahaja faham secara terperinci dengan realiti, malah siasah harakah yang baru diwujudkan oleh Rasulullah S.A.W. juga difahaminya. Kalau hendak dibandingkan dengan wanita hari ini dari segi kefahamannya ternyata jauh bezanya.

TANGGUNGJAWAB TERHADAP RUMAHTANGGA

Kemudian tanggungjawab terhadap rumahtangga. Hendaklah rumahtangga itu diasaskan di atas dasar taqwa kepada Allah S.W.T. sejak hari pertama lagi diwujudkan rumahtangga tersebut ataupun dalam usaha mewujudkannya. Tidak boleh diwujudkan rumahtangga berasaskan adat, nafsu ataupun nilai-nilai masyarakat. Sebaliknya dari awal-awal lagi mesti berasaskan taqwa. Tetapi hari ini adakah seumpama itu? Hari ini ternyata rumahtangga itu ditegakkan di atas asas lain – di atas asas keinginan untuk berumahtangga misalnya, bukan atas asas taqwa kepada Allah S.W.T.

Rumahtangga seseorang Muslim hendaklah dipenuhi dengan ROH RABBANIAL-AATIROH (roh yang diredai oleh Allah S.W.T).

"Ingatlah apa yang telah dibaca di dalam rumah kamu tentang ayat-ayat Allah S.W.T dengan hikmah, Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana."

Hendaklah tindakan-tindakan dan segala tuntutan-tuntutan sesebuah rumahtangga itu berada dalam batas kifayah. Mestilah secukupnya, tidak lebih dan tidak pula kurang. Pertimbangkan dengan cara yang cukup sederhana.

"Tidak ada kebaikan dalam pembaziran, dan tidak ada pembaziran di dalam kebaikan."

Yang dituntut ialah al-i'tidal (kesederhanaan) di dalam semua hal kerana itulah sifat seorang mukmin.

"Sebaik-baik urusan ialah kesederhanaan." Islam adalah Deen WASOT (pilihan). "Itulah Kami jadikan kamu umat pilihan."

Sifat kesederhanaan itulah yang paling baik. Janganlah keterlaluan di dalam menjalani kehidupan berumahtangga. Bukanlah pula bermakna tidak boleh menggunakan nikmat yang ALLah kurniakan. Saidi-na Osman misalnya, kudanya lebih baik dan lebih cantik daripada kuda Rasulullah, rumahnya lebih baik dan lebih cantik, begitu juga hamparannya. Kerana kemampuan yang ada padanya, dia mempergunakan nikmat ALLah SWT itu. Penggunaan itu berdasarkan kepada keimanan bukan berdasarkan hawa nafsu. Sekiranya berdasarkan hawa nafsu, akan lahir sifat seperti menunjuk-nunjuk. Tetapi berbeza kalau penggunaannya berdasarkan iman. Ada benda yang hendak ditunjuk-kannya tetapi itu dilakukan di dalam rangka mensyukuri nikmat Allah SWT.

TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARARAT

Yang keempat ialah tanggungjawab terhadap masyarakat. Kalau tidak ada perhubungan dengan masyarakat – kita berpisah daripada masyarakat – maka akan lahir masyarakat itu masyarakat yang tidak ada unsur-unsur Islam. Kita mesti bersama-sama dengan mereka dan melahirkan tindakan-tindakan Islam supaya masyarakat itu lahir dengan amalan Islam. Oleh itu kita perlu berjuang bersungguh-sungguh dalam menegakkan kebenaran Allah S.W.T. Tidak takut kepada ugutan dan gangguan kerana menegakkan kebenaran Allah S.W.T. Tetapi di dalam usaha

untuk menegakkan kebenaran ini banyak ujian-ujian itu datangnya dari orang-orang yang mengaku mereka itu hendak membuat kebaikan kepada manusia.

Dalam usaha ataupun kerja-kerja terhadap masyarakat – dalam rangka membentuk masyarakat Islam yang belum lagi wujud – perjuangan seorang wanita Islam adalah sangat besar, perjuangannya untuk memahami fikrah yang betul, untuk menyampaikannya kepada orang lain, untuk bertindak melaksanakannya, untuk bergiat di dalam harakah dengan bersungguh-sungguh.

Wanita-wanita yang tidak ada SAQAFAH ISLAMIAH sangat banyak, mulaiyin (berjuta-juta) di kalangan orang yang mendakwa diri mereka orang Islam. Ini memerlukan tervaga yang besar dari orang-orang yang sedar untuk memberi ilmu yang betul kepada mereka. Tidak takut dan tidak gentar kepada ugutan dan azab seksaan orang lain.

PENGALAMAN ZAINAB GHAZALI

Telah berlaku suatu peristiwa di dalam abad ini ke atas seorang wanita Mesir yang bergerak di dalam harakah Islamiah di Mesir yang dapat dijadikan tauladan.

Semasa perkahwinan akan dijalankan di antaranya dengan suaminya, Zainab Ghazali telah mengenakan syarat supaya suaminya membenarkannya untuk bergiat di dalam harakah Islamnya. Katanya, "Hak saya untuk membuat syarat kepada engkau supaya tidak menghalang saya untuk berjihad di jalan Allah S.W.T, di mana saya telah diletakkan tugas-tugas dan tanggungjawab sebagai mujahidin di dalam harakah ini. Janganlah engkau bertanya apa yang akan saya buat, tetapi hendaklah engkau yakin dan percaya sepenuhnya akan tindakan saya."

Dia memperingatkan suaminya lagi, "Sekiranya berlaku pertembungan di antara perkahwinan dengan dakwah, akan berakhir perkahwinan dan kekal dakwah kepada Allah S.W.T. Saya minta kepada engkau supaya menunaikan janji engkau. Janganlah engkau tanya siapakah saya akan berjumpa. Saya berdoa kepada Allah S.W.T supaya Allah jadikan balasan jihad yang saya lakukan ini sebahagiannya untuk engkau, sekiranya amal saya ini diterima oleh Allah S.W.T."

Apakah kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh Zainab Ghazali dan rakan-rakannya untuk harakah Islamiah?

Contoh seorang Muslimah Abad 20

ZAINAB AL GHAZALI AL ZUBAILI

Zainab Al Ghazali Al-Zubaili nama sepenuhnya. Ia dilahirkan di sekitar tahun 1917, di awal abad dua puluh ini, 65 tahun usianya ketika ini. Mula ditahan dalam tahun 1965, ketika itu usianya sekitar 44 tahun. Akibat

dari penyiksaan yang dahsyat yang ditanggungnya dalam tahanan ketika diambil statement oleh pendakwa, mereka menyangka umurnya lebih 90 tahun, pada hal umurnya ketika itu 44 tahun – menunjukkan betapa beratnya seksaan yang dilakukan oleh rejim Jamal Abdel Nasser.

Zainab Al-Ghazali mengasaskan penubuhan "Jamaah Saidatina Muslimah". Satu gerakan wanita yang selari dengan Ikhwan Muslimin yang mempunyai method cara dan matlamat yang sama dengan Ikhwan Muslimin. Meski pun beliau dipilih menjadi ketua pertama Jamaah itu, namun beliau telah berbai'ah dengan Mursyidul Ikhwan Muslimin, Hassan Al-Banna, pada penghujung abad 14 hijrah beliau ditugaskan memimpin Jamaah Saidatina Muslimah.

Tujuan jamaah ini ialah untuk memimpin wanita Islam dan menyedarkan mereka serta mengangkat darjat mereka untuk menyebarkan panji-panji Islam, agar memahami Islam, agar wanita-wanita Islam dapat menjalankan peranan wanita dengan mengikut contoh wanita salafus soleh.

Dengan itu mereka berkeyakinan umat Islam akan dapat dibangunkan semula dan negara Islam akan dapat ditegakkan dengan lelaki yang dididik oleh wanita yang bernaung di bawah Al-Quran dan As-Sunnah. Ia berjuang meletakkan wanita sebagai ibu yang dapat mendidik rijal (pejuang) untuk membangunkan Islam.

Ketika itu proses pembaratan sedang hebat berlaku di Mesir. Kemasukkan sosial budaya barat sedang berlaku dan terus melanda budaya umat Islam – pakaian, tingkah laku dan pemikiran mereka sedang hanyut dalam budaya Barat yang menuju ke arah kehancuran. Inilah dia belenggu sekularisma. Zainab Al-Ghazali berjuang membebaskan belenggu sekularisma ini.

Beliau sangat yakin bahawa masa depan umat ini bergantung kepada peranan ibu-ibu, oleh kerana itu gerakan beliau ini antaranya untuk memberi pimpinan yang wajar pimpinan Islam kepada wanita Islam. Untuk melahirkan rijal, tenaga lelaki yang bersedia menjualkan dirinya untuk Islam.

Tanggungjawab umat hari ini, sangat berat iaitu membebaskan diri dari kongkongan dan cengkaman sekularisma yang meguasai negara mereka, membebaskan diri mereka daripada jahiliyah yang sedang mengongkong hati dan pemikiran mereka. Tanggungjawab ini sangat berat. Sekularisma bukan sahaja wujud sebagai teori semata-mata bahkan ia wujud sebagai institusi yang mengikat teguh sesamanya.

Beliau berkeyakinan bahawa Daulah Islam akan tetap ditegakkan kembali dengan izin Allah S.W.T dengan syarat melalui satu jalan iaitu JALAN ISLAM. Negara Islam tidak dapat ditegakkan dengan lain-lain jalan kecuali JALAN ISLAM. Menurut beliau lagi, cara utama untuk kembali kepada JALAN UTAMA ini ialah Revolusi Pemikiran (Thaurah Fikriyah) – satu revolusi yang dapat mengubah pemikiran Jahiliyah kepada pemikiran Islam, berdasarkan 'aqidah Islam. Ini memerlukan Tarbiyah – pendidikan

amali untuk membentuk sikap, tindakan-tindakan dan tingkah laku serta pemikiran Muslim dan Muslimah menjadi pemikiran Islam.

Beliau menyebutkan ini sebagai langkah awal dalam pembentukan Daulah Islam. Beliau fahami ini daripada Al-Quran tentang sunnah perubahan. Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang maksudnya

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu kaum itu kecuali mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka."

Bahawa perubahan itu tidak akan berlaku kecuali adanya perubahan diri itu.....yang difokuskan kepada jiwa dan hati manusia. Ini merupakan satu macam ketentuan - sunnatul llah dalam mengatur perubahan sejarah. Bahawa perubahan diri ini bermula dengan perubahan pemikiran, peribadi dan tingkah laku diri manusia. Inilah fahaman beliau yang mendalam tentang Islam. Beliau menganjurkan untuk menuju kepada Daulah Islam, hendaklah mengadakan revolusi pemikiran perubahan yang pantas seperti sikap para sahabat.

Beliau memetik kata-kata Syed Qutb dalam memperkatakan Jilun - Quraanun - Fariid, satu generasi Quran Yang Unik, bila mereka memeluk Islam, mereka sekali gus meninggalkan ciri-ciri Jahiliyah secara menyeluruh. Perubahan atau Revolusi yang pantas dan cergas ini dilakukan dan seluruh pandangan mereka tentang nilai-nilai hidup dilihat mengikut neraca Islam, bukan neraca dunia atau Jahiliyah.

Beliau memahami bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh Rasulullah S.A.W. dalam Dakwah baginda. Langkah pertama dalam membuat perubahan ialah melalui Tarbiyah atau pendidikan keatas para sahabat, mereka dididik oleh Rasulullah S.A.W. bukan pada teori bahkan pada diri dan tingkah laku mereka. Tarbiyah ini meliputi Tarbiyah Rohani dan Jasmani. Tarbiyah yang menekankan kepada pembentukan Iman yang mendalam, sehingga tercerna dan lahir dalam tingkah laku mereka, sehingga Al-Quran tercerna dan tercetak pada diri dan tubuh badan mereka. Sehingga segala tindakan mereka adalah Islam – di lihat sahaja pada diri salah seorang dari mereka sudah ternampak akan Islam, ternampak akan Daulah Islam pada diri mereka, dan seterusnya hidupnya adalah Islam. Al Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. yang mendidik jiwa mereka melahirkan manusia misali yang unggul dalam sejarah peradaban manusia. Demikianlah natijah hasil dari didikan Iman, yang jelas pada sifah para sahabat. Lihatiah!! Seorang pemuda yang kacak dan anak tunggal dari keluarga hartawan, Mus'ab 'Umair namanya - ia yakin dengan ajaran Muhammad S.A.W. dan terus memeluk Islam sebagai agamanya, sehingga akhir hayatnya. Setelah ibunya mengetahui bahawa Mus'ab mengikut ajaran Muhammad S.A.W, maka ia mengugut tidak akan memberi harta warisan kepada Mus'ab, seandainya ia tidak mahu kembali kepada agama nenek moyangnya. Mus'ab sudah bulat keimanannya, demikianlah hasil didikan Rasulullah S.A.W. terhadapnya ia terus beriman dengan ajaran Muhammad S.A.W. "Aku memilih ajaran Muhammad dari memilih harta kekayaan". Ibunya pula terus bersumpah,

ia tidak mahu makan sehingga Mus'ab kembali kepada agama asalnya. Sebaliknya Mus'ab pula bersumpah "Seandainya ibuku mempunyai 100 nyawa, dan keluar satu demi satu dari tubuhnya aku tetap dengan ajaran Muhammad SAW, aku tetap dengan kalimah LAILAHA ILLALLAH, namun aku tinggalkan Islam, sekali-kali tidak". Inilah kesan yang terus menerus dari Tarbiyah, Mus'ab ketika syahid di medan Jihad, tatkala kain yang ada padanya untuk ditutupkan ke atas tubuhnya tutup kepalanya, terdedah kakinya, tutup kakinya terdedah kepalanya. Akhirnya Rasulullah S.A.W. memerintahkan bahagian kepalanya ditutup dengan kainnya dan bahagian kakinya ditutup dengan daun kayu. Demikianlah Mus'ab sanggup meninggalkan kesenangan dan kekayaan, dan rela mengorbankan dan menjual dirinya kepada Islam... semoga syurga firdaus ganjarannya. Pengorbanan demikian tidak sanggup dilakukan oleh manusia kecuali mereka yang dididik dengan Iman. Inilah sebagai satu syarat yang diwujudkan oleh Zainab Al-Ghazali, agar Negara Islam dapat dikembalikan.

Semasa beliau memimpin Jamaah Saidatina Muslimah, beliau telah dapat membawa masuk ramai wanita-wanita Islam di Mesir dan mereka telah dibentuk dan dididik mengikut model Tarbiyah Madrasah Rasulullah S.A.W. Di antara mereka yang rapat hubungan dengan Zainab Al-Ghazali ialah dua saudara Syed Qutb, Aminah Qutb dan Hamidah Qutb,; Halidah Hassan Al-Hudaibi, Al-Hayah Sulaiman Al-Zubair, Fatirah Al-Fath, Aminah Al-Jauhati. Al-Waliyah Al-Hudaibi dan Al-Afdah. Mereka inilah yang beliau sitatkan sebahagian dari mereka sebagai sebahagian anak-anaknya, sebahagian dari mereka sebagai adik-adiknya, sebahagian dari mereka sebagai kakak-kakaknya, dan sebahagian dari mereka sebagai ibu-ibunya. Kerana di antara mereka ada yang berumur 85 tahun, Ummi Ahmad namanya, ia telah di tangkap oleh rejim Jamal Nasser ketika ia berusia 85 tahun, ketika Zainab mendengar berita itu, ia memperkatakan bahwa ini adalah pertanda baik bagi Islam. Musuh-musuh Islam telah gentar kepada wanita Islam yang telah tua lagi uzur. Ini menunjukkan hasrat dan minat terhadap Islam terlalu tinggi. Musuh-musuh Islam telah gentar, mereka tidak dapat membezakan antara yang bertenaga dan tidak bertenaga, antara wanita dan lelaki, antara tua dan muda, semuanya sama sebagai musuh mereka.

Setelah Mursyidul 'Am Hassan Al-Banna syahid dimamah peluru durjana yang tidak mengenal insan beriman atau tidak, Zainab Al-Ghazali terus berbai'ah kepada Hassan Al-Hudhaibi, Mursyidul 'Am pengganti Hassan Al-Banna. Ia terus mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pimpinan Ikhwan Muslimin. Ia mendengar pandangan mereka dan mengambil pengajaran daripada mereka.

Beliau bersuami, suaminya seorang yang dihormati, seorang 'Ulama yang berilmu tinggi dan sangat kuat memberikan dorongan kepada isterinya untuk meneruskan da'wah ditengah-tengah masyarakat manusia di Mesir. Zainab Al-Ghazali menceritakan ketika penyeksaan yang

dihadapinya di penjara sampai kemuncaknya, mereka telah menggunakan berbagai cara bagi melemahkan jiwa dan rohnya menyebabkan ia terpaksa dibawa ke hospital. Regim Jamal Abdel Nasser memaksa suaminya menceraikannya dan membawa surat cerai itu ke dalam bilik kurungan di hospital, di mana Zainab sedang dirawat. Ketika saudara-saudaranya melawatinya mereka menceritakan ketika suaminya dipaksa menceraikan Zainab Al-Ghazali, ia bersumpah "sekali-kali tidak, aku menceraikan isteriku". Demikianlah keteguhan, kesetiaan dan pengorbanan suaminya, sehingga ia kembali menemui Tuhannya ketika Zainab Al-Ghazali masih dalam Tahanan.

Kisah tahanan ke atas Zainab Al-Ghazali adalah sangat mengkagumkan, kerana seorang wanita telah dapat menanggung penyeksaan yang lebih berat dari penyeksaan ke atas lelaki. Beliau menyebutkan, sebelum ia ditahan, Jamal Nasser memerintahkan Jamaah Saidatina Muslimah dibubarkan dengan menghantar notis melalui mahkamah, dan akan menarik notis pembubaran itu dengan syarat Zainab Al-Ghazali mestilah berkerjasama dengan Parti Istrokiyah. Zainab Al-Ghazali menolak, kemudian ia ditawarkan menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat, beliau menjawab: "Dalam perjuangan ku tidak bercadang untuk menjadi menteri aku hanya mahu berdakwah" Jamal Nasser telah putus asa memujuk Zainab Al-Ghazali untuk masuk Parti Istrokiyah, Jamal Abdel Nasser memerintahkan untuk menangkap Zainab Al-Ghazali

Sewaktu beliau dibawa keluar dari rumahnya satu pembunuhan telah dirancang.....sebuah kereta merempuh kereta yang membawa Zainab Al-Ghazali. Setelah rancangan awal ini gagal, akhirnya Zainab di tahan..... setelah di tangkap semula, setelah di bebaskan pada tahun 1964.

Zainab Al-Ghazali terus dibawa ke penjara dengan sebuah kereta, dalam perjalanan itu dimaki hamun yang tidak dapat diterima oleh akal dan tidak dapat digambarkan oleh fikiran. Setelah sampai ke penjara ia diseret ke bilik kurungan dengan kata-kata yang kesat, yang tidak wajar dihadapkan kepada binatang, apatah lagi kepada manusia. Mereka mengugut untuk membunuhnya seperti mana yang mereka lakukan kepada berpuluh-puluh anggota Ikhwan Muslimin, mereka mengugut untuk menanam hidup-hidup seperti mana yang mereka lakukan kepada berpuluh-puluh orang yang sealiran dengan Zainab Al-Ghazali. Dengan kata-kata yang kasar, ia diheret kehilik kurungan oleh seorang lelaki yang bertubuh besar seperti syaitan hitam. Zainab Al-Ghazali mengesahkan saya berdoa dalam hati saya. **"Ya Allah, kurniakanlah ke atas ku ketenangan, dan tetapkanlah pendirian ku bersama-sama pendukung-pendukung kebenaran, dan tabahkanlah hati ku dengan mengingati Engkau, dan kurniakanlah akan daku keredhaan denganperkara yang Engkau redhai".**

Itulah yang dapat saya katakan. Kemudian saya terus dimasukkan ke dalam bilik kurungan. Dalam bilik kurungan itu ada dua orang lelaki (syaitan) yang sedang duduk di atas meja membelik-belik buku catitan,

yang saya tahu itu adalah buku catitan Syahid Abdul Fatah Ismail. Tahulah saya bahawa Abdul Fatah juga ditangkap ketika itu.

Di waktu itu saya mendengar azan 'Asar ... saya bersyukur kerana ALLah SWT telah menyelamatkan saya dari "keganasan syaitan". Saya dapat menunaikan sembahyang, dan tiba-tiba datang lagi syaitan durjana, dengan sikap yang kasar dan keras memerintahkan saya ke sel kurungan. Saya diheret ke sel kurungan dan penyeksaan pun bermula. Semasa saya diheret ke sel kurungan, saya melihat dalam sel penjara itu tubuh-tubuh manusia yang diseksa, tahulah saya bahawa mereka dari keluarga Ikhwan Muslimin. Mereka sedang diseksa dan dipukul, memenuhi sel-sel penjara itu. Mereka adalah pemuda-pemuda yang saya sifatkan sebagai anak-anak saya, pemuda yang pernah dan sering datang meminta pengajaran dan nasihat dari saya. Saya berdoa "Ya Allah tetapkanlah pendirian kami, Ya Allah peliharalah kami daripada kejahatan orang-orang yang jahat."

Saya dimasukkan ke dalam sel kurungan, kuasa letrik dinyalakan dengan kuat, sebagai satu bentuk penyeksaan. Bilik itu dipenuhi anjing-anjing, anjing-anjing yang saya tidak tahu herapa banyak bilangannya. Anjing-anjing itu dilepaskan kepada saya... saya memejamkan mata dan meletakkan dua tangan saya ke dada saya, kerana saya gerun melihat anjing-anjing ganas lagi lapar itu. Saya dengar pintu ditutup dengan rantai dan dikunci. Saya merasai seluruh tubuh saya dikerumuni dan digigit oleh anjing itu. Saya membuka mata dan kemudian memejamkan mata saya, kerana penyeksaan yang amat sangat. Ketika itu saya berdoa kepada Allah S.W.T dalam hati saya... dan anjing-anjing itu terus menggigit dan menggigit, merobak-rabikkan dan memanjat-manjat seluruh tubuh saya – itulah yang saya rasai. Saya berdoa "**Ya Allah!!! tetapkanlah hati ini dan palingkanlah hati dari yang lain Ya Allah, agar hati ini melupakan penyeksaan ini. Ya Allah!!**"

Kemudian saya dengar pintu dibuka orang, dan saya dibawa keluar. Saya menyangka pakaian saya yang putih bersih ini berlumuran darah... itulah yang saya rasai dan sangkakan. Alangkah terkejutnya saya, tiada apa apa kesan, seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku. Saya tahu bahawa Allah S.W.T bersama-sama dengan saya...Maha suci Engkaulah Wahai Tuhan ku.

Beliau mengeluh dan merasai **ni'mat kurniaan** Allah yang tinggi serta **kemurahan Allah S.W.T** kepadanya dan **pemeliharaan** Allah kepadanya.

Zainab Al Ghazali menceritakan; syaitan yang memegang tangan saya bertanya kepada saya: Bagaimana anjing-anjing itu tidak merubak rabikkan daging engkau. Bagaimana anjing itu tidak menggigit engkau!!! Ada dua orang syaitan ketika itu, masing-masing memegang belantan di tangan mereka.

Waktu itu hari hampir 'Isyak...kerana bayang-bayang dari luar kelihatan kemerah-merahan. Saya dibiarkan bersama anjing-anjing itu selama tiga jam. Inilah satu bentuk penyeksaan yang saya rasai...saya berserah bulat kepada Allah S.W.T kerana lebih berkuasa dari segala-galanya. Kemudian peningkatan penyeksaan pun diteruskan. Satu ketika

saya direndam dalam air sejuk, pada hal ketika itu musim sejuk... dilepaskan pula udara sejuk.

Beliau menyatakan, satu ketika ia melihat surat arahan tulisan tangan Jamal Abdel Nasser (la'natullah 'alaih) kepada pegawai penjara yang memerintahkan supaya Zainab Al-Ghazali disiksa lebih dari seksaan terhadap lelaki.

Demikianlah! segala macam penyeksaan mereka lakukan. Bermula dengan gigitan anjing-anjing, ke dalam sel yang berisi air dan udara sejuk... dan macam-macam lagi penyeksaan... dengan segala sepak terajang dan pukulan-pukulan cota...menyebabkan Zainab Al-Ghazali terpaksa dirawat di hospital beberapa kali.

Beliau mengesahkan, satu hari pengawal penjara yang ditugaskan untuk memukulnya, tidak mahu memukulnya. Ia berkata "Duhai Makcik ku (Ya Khali), tidak sanggup saya memukulmu, tidak ada sebab mengapa harus saya memukul mu, Ya Khali". Rupa-rupanya ketika itu, ketua penjara mengintai perbualan mereka, ia menyeret keluar dan memaki hamun pemuda itu. Pada esok harinya, ketua penjara memberitahu kepada Zainab Al-Ghazali, pemuda itu ditembak mati.

Pegawai penyeksa-penyeksa di penjara terkejut kehairanan bagaimanakah keseksaan yang amat berat itu sanggup ditanggung oleh wanita... yang lebih berat penyeksaan yang ditanggung oleh lelaki... dan tidak sanggup ditanggung oleh sebarang lelaki. Iman seorang wanita yang kebal dan kental, lebih kuat dari bubur – Muhathah. Mereka amat takjub dan mereka mengatakan, ini adalah suatu perkara yang luar biasa. Salah seorang dari mereka datang berjumpa dengan Zainab Al-Ghazali. Ia bertaubat dan meminta Zainab untuk mengajarnya Islam dan bagaimanakah hendak mendirikan Solat. Ini menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja dilatih keganasan fizikalnya, malah dilatih dengan fahaman mereka.

Oleh kerana itu ada di antara mereka berkata kepada Zainab Al-Ghazali: Kamu sering berkata tentang Neraka Jahanam. Sekarang kamu berada dalam neraka Jamal Abdul Nasser. Mintalah keampunan dari Nasser atau Engkau terima syarat-syarat yang ditawarkan olehnya. Ketika Zainab berkata: Allah...Allah..., salah seorang dari mereka berkata:

Seandainya kami nampak Allah yang kamu sebut itu, kami akan tangkap ia dan penjarakan bersama-sama kamu. Inilah kekufuran yang berlaku. Inilah yang menyebabkan mereka takut dan gentar kepada gerakan Islam.

Kemudian beliau dibicarakan dalam mahkamah pura-pura, beliau dipenjara seumur hidup. Ia dipenjara bersama-sama dengan Hamidah Qutb, bersama-sama seorang wanita yang sarat mengandung. Pada hari-hari awal di dalam kem tahanan tentera, mereka dihidangkan dengan roti kering yang disapu dengan najis. Mereka menahan kelaparan yang amat sangat. Mereka ditempatkan di tempat yang busuk lagi kotor. Mereka

menjenguk keluar, manalah ada kiranya sisa-sisa makanan, ada pengawal penjara yang baik sedikit mencampakkan kulit-kulit pisang ke dalam sel kurungan, mereka ambil dan makan kulit-kulit pisang itu, mereka tidak sanggup memakan roti yang disapu dengan najis.

Zainab Al-Ghazali dipenjara di sebuah kem tahanan tentera yang terletak di pinggir kota Kaherah. Beliau melihat wanita-wanita yang telah rosak akhlaknya, mereka rosak kerana dadah dan arak, mereka telah kehilangan kehormatan mereka, akibat dari proses pembaratan yang dilakukan oleh rejim sosialis. Zainab Al-Ghazali dan saudara-saudaranya itu diberi layanan yang buruk, berbeda sama sekali layanan yang diberikan kepada wanita-wanita Yahudi yang ditangkap kerana kegiatannya sebagai "spy" adalah lebih baik daripada layanan yang diterima oleh Zainab Al-Ghazali, Hamidah Qutb dan saudara-saudara mereka yang lain.

Sehingga beberapa lama beliau ditahan, di satu pagi sekitar tahun 1973, beliau dipanggil dan ditunjukkan surat pembebasan. Betapa berat kakinya untuk meninggalkan saudaranya Hamidah Qutb, tapi apakan daya semuanya diserahkan kepada ALLah S.W.T, kerana Allah S.W.T lebih berkuasa dari segala-segalanya. Tidak lama kemudian Hamidah pun dibebaskan.

Menurutnya, satu perkara yang menguatkan beliau sanggup menanggung penyeksaan, kerana beliau sering berjumpa Rasulullah S.A.W dalam mimpinya. Oleh itu beliau yakin bahawa perjuangannya adalah benar dan jalan yang ditempohnya adalah benar. Rasulullah S.A.W bersabda "Syaitan diharamkan menyerupai ku". Oleh itu ia bermimpi berjumpa Rasulullah S.A.W adalah satu perkara yang benar.

Demikianlah kisah Zainab Al-Ghazali, yang kini masih hidup, dan terus menjalankan tugas-tugas yang berat ini bersama-sama Mujahid-Mujahid yang lain untuk mengembalikan umat manusia dan alam ini kepada Islam. Berikutan dengan penangkapan beramai-ramai sahabat kita Ikhwan Muslimin oleh rejim Mendiang Anwar Sadat dan diteruskan oleh rejim Husni Mubarak (Zainab Al Ghazali) turut juga ditangkap, tapi kali ini ia hanya ditahan di rumah sahaja kerana dengan alasan sudah uzur. Semoga Allah S.W.T memelihara mereka.

CETUSAN HATI

Sahabat-sahabat yang dikasihi,

Kisah ini adalah satu realiti sejarah yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun. Sejarah akan berulang. Kekejaman Jahiliyah dan pendokong-pendokongnya (walaupun mereka mengaku Islam) pasti ada walau ketika zaman mana sekalipun. Ini adalah satu sunnatullah. Mereka sanggup menyiksa tanpa ada perikemanusiaan dan penuh dengan kebuasan nafsu syaitan, hatta terhadap wanita sekali pun. Ibu Yasir, Sumaiyah telah menerima penyiksaan dari Quraisy Jahiliyah sehingga membawa ia syahid dan menemui Tuhannya dengan kemuliaan. Kini, sejarah itu telah berulang lagi, kesah Zainab Al-Ghazali ini sebagai satu realiti.... dan ramai lagi insan-insan beriman menerima penyiksaan dari manusia yang berajakan syaitan.... bagi mereka jika mereka mati, mati mereka adalah mulia.... syahid cita-cita insan yang telah terhunjam ke dalam hatinya cahaya Iman.

Penyiksaan yang demikian berat seksaannya, tidak sanggup ditanggung oleh mana-mana manusia, kecuali insan yang telah terhunjam ke lubuk hati dan jiwanya kelazatan Iman, hati yang telah dididik oleh Al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W.

Jalan untuk merelisasikan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah S.A.W dan Rasulnya, adalah penuh dengan ranjau-ranjau kesukaran, penuh dengan duri-duri yang sentiasa menceracak ke kaki manusia yang melalui jalan berduri itu. Jalan Islam tidak dihampiri dengan permaidani merah. Jalan ke syurga penuh kesukaran, jalan ke neraka penuh daya tarikan, keseronokan dan kegembiraan. Hanya insan yang merasai keagungan iman sahaja sanggup membuat pengorbanan demikian dan melalui jalan berduri itu.

Hati yang dididik oleh Iman, tiada takut dengan kekejaman manusia, tiada gelisah dengan sindiran manusia, cukup Allah sebagai tempat pengadunya. Lihatlah bagaimana hubungan terus dengan Allah yang tercerna para sahabat yang dididik oleh Rasulullah, ...dan lihatlah bagaimana tekad bulatnya penyerahan diri Zainab Al-Ghazali kepada Allah, yang tiada putus-putus hubungan dengan Allah, walaupun di dalam keadaan genting sekali pun, dan yakin bahawa: "Allah akan menolong mereka yang memperjuangkan ajarannya, sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa dan Mana Berkuasa"

Dan lihatlah ketika insan yang rindukan menemui Tuhannya di medan jihad, terus meluru ke garisan pertempuran. Mereka berkata "Kamu tidak menunggu kami melainkan untuk memberi kami salah satu dari dua hadiah yang paling cemerlang iaitu kemenangan atau syahid." Atau mereka yang rindukan syahid.... akan berkumandanglah teriakan-teriakan "Hai angin syurga, berembuslah wahai perajurit Allah, berangkatlah."

Natijah demikian telah dilahirkan oleh Generasi Al-Quran yang di bawah didikan Rasulullah, Natijah demikian juga lelah lahir para Gerakan

Ikhwan Muslimin, dan juga telah lahir para Gerakan insan muslimin di Iran sehingga melahirkan Daulah Islamiah, dan bagi kita, tiada jalan lain melainkan Jalan ini, jalan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Petikan tulisan-tulisan: Zainab Al Ghazali

- (1) Al Yuum Fi Hayati (Beberapa hari dalam hidupku)
- (2) Tulisannya dalam majallah Al-Da'wah.

WASSALAM